

SIRI KERANAMU MALAYSIA

**PEMBANGUNAN MALAYSIA
DAHULU HINGGA KINI**

Muhamad Ismail Ahmad



Pustaka Mawar

PUSTAKA MAWAR
18, Lebuh Biru
Taman Kampung Kuantan
41300 Klang
Selangor Darul Ehsan

© Pustaka Mawar
Cetakan Pertama 2004

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindah dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muhamad Ismail Ahmad

Pembangunan Malaysia dahulu hingga kini / Muhamad Ismail Ahmad.

(Siri keranamu Malaysia)

ISBN 983-875-350-5 (set)

ISBN 983-875-353-X

1. Malaysia--Politics and government. 2. Malaysia--Economic conditions. 3. Malaysia--History. I. Judul. II. Siri.
959.5

Dicetak oleh : Percetakan Rahim & Razak Sdn Bhd (174451-U)

63
959.5
M11

/M
1137987

1 MAR 2004
Perpustakaan Negara
Malaysia

PRAKATA

Siri Keranamu Malaysia ditulis berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku di dalam negara dan di luar negara yang melibatkan pembabitan Malaysia. Buku ini memaparkan pelbagai isu yang berkaitan dengan ekonomi dan perkembangan pendidikan yang berlaku dari dahulu hingga sekarang. Perhubungan Malaysia dengan dunia luar turut diberikan perhatian dan dihuraikan dengan lebih terperinci.

Buku ini sesuai dibaca dan dijadikan bahan rujukan oleh pelajar dan guru. Dalam merealisasikan perkembangan ekonomi dan menjana pembangunan negara, kerajaan turut memberi perhatian terhadap bidang pendidikan yang menjadi tonggak penting dalam melahirkan generasi berilmu. Justeru itu, siri ini turut menghuraikan kelahiran sekolah-sekolah yang menjadi nadi pendidikan negara.


Penulis ingin pembaca khususnya pelajar mengetahui dengan lebih jelas beberapa perkara penting yang seharusnya mereka fahami untuk dijadikan panduan kepada kehidupan yang lebih bermakna. Pengetahuan tentang sejarah Malaysia sepatutnya diberikan perhatian dan difahami intipatinya oleh setiap pelajar. Inilah cara terbaik untuk mengenali negara yang mereka cintai.

Siri Keranamu Malaysia turut menyentuh tentang pembangunan ekonomi negara yang sepatutnya diketahui dan difahami oleh pelajar. Tanpa pembangunan ekonomi negara maka Malaysia akan ketinggalan di arena antarabangsa. Pelajar harus bersedia mengikuti perkembangan ini untuk sama-sama menikmati kemakmuran dan kekayaan negara yang ada.

KANDUNGAN

Pendahuluan	1
Pembentukan Ekonomi Moden	3
Sudut Uji Minda	11
Pertanian Dagangan	12
Sudut Uji Minda	30
Pembangunan Perindustrian	31
Sudut Uji Minda	51
Era Teknologi Maklumat	52
Kesimpulan	60

PEMBANGUNAN MALAYSIA DAHULU HINGGA KINI



Pembangunan terkini yang diterokai oleh kerajaan Malaysia.

PENDAHULUAN

Malaysia sebagai sebuah negara membangun telah melalui tiga fasa pembangunan utama. Kemajuan Malaysia bermula dari zaman pertanian, zaman industri dan era teknologi maklumat. Ketiga-tiga zaman ini mempunyai matlamat tertentu yang sudah pastinya bertujuan membangunkan negara menjadi sebuah negara maju dalam pelbagai bidang. Ia termasuklah bidang ekonomi, politik, kemasyarakatan dan pendidikan.

Di samping itu, Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada berbilang bangsa dan budaya. Keunikan Malaysia yang dapat mengekalkan keharmonian antara kaum membuka mata masyarakat global. Malaysia tidak lagi dikenali sebagai negara mundur tetapi sebuah negara yang dapat membina identiti bangsa dan budayanya sendiri. Kaum Melayu, Cina dan India saling bantu-membantu antara satu sama lain dalam memastikan kemakmuran negara terus berkekalan.

Contoh ini dilihat melalui kepimpinan barisan pemimpin Malaysia yang menjadi contoh perpaduan rakyat. Sistem demokrasi yang diamalkan oleh Malaysia membolehkan rakyat mempunyai kuasa untuk melantik pemimpin yang bakal meneruskan kemajuan negara. Hari ini setelah 46 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan berbagai-bagai pembaharuan dari sudut pembangunan telah dan sedang diusahakan. Segala kemudahan asas diperbaharui serta dipertingkatkan sejajar dengan peredaran zaman. Keadaan ini jelas dapat dilihat melalui kewujudan pusat-pusat pentadbiran kerajaan yang telah dilengkapi pelbagai kemudahan canggih.

Memasuki alaf ke-21 Malaysia sememangnya negara yang bersedia dengan agenda tersendiri. Kesungguhan Malaysia ini terbukti melalui cetusan idea daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad apabila beliau mengumumkan Wawasan 2020 pada 28 Februari 1991. Pengumuman ini tidak terlalu awal kerana tanpa kita sedari hari ini kita sudah berada di abad ke-21. Persediaan secukupnya perlu direncanakan agar matlamat yang diharapkan dapat dicapai. Sehubungan itu, setiap lapisan masyarakat mempunyai peranan masing-masing untuk memastikan negara terus maju. Perpaduan kaum amat penting kerana ia menjadi tulang belakang kepada kekuatan Malaysia. Apatah lagi perpaduan ini merupakan formula unggul yang tidak dapat dilaksanakan di negara-negara barat.



Perpaduan kaum di Malaysia menjadi tulang belakang kepada kekuatan negara.

Namun begitu, Malaysia harus mempelajari segala perkara yang dilalui untuk dijadikan sebagai pengalaman. Tidak dinafikan adakalanya Malaysia terpaksa berhadapan dengan rintangan yang benar-benar menguji kestabilan negara. Contohnya krisis ekonomi yang melanda rantau Asia sekitar 1997 hingga 1998 benar-benar menguji kecekapan pentadbiran negara. Dari segi hubungan dua hala, Malaysia sentiasa memastikan negara jirannya tidak menghadapi sebarang masalah dengan Malaysia. Kerjasama dua hala ini diteruskan melalui perdagangan dan politik demi kepentingan kedua-dua buah negara. Kejayaan hari ini perlu diteruskan kerana masih banyak lagi agenda negara yang belum dilaksanakan demi kemajuan bersama.

PEMBENTUKAN EKONOMI MODEN

Perubahan Ekonomi

Pada pertengahan abad ke-19, ekonomi Tanah Melayu mengalami perubahan yang besar. Perubahan yang berlaku lebih condong kepada kapitalisme Barat. Antara perubahan yang berlaku merangkumi beberapa aspek seperti :

- i. Wujudnya modal yang besar dari dalam dan dari luar negara untuk dilaburkan dalam bidang perlombongan dan perladangan.
- ii. Menggunakan teknologi baru dalam sektor perlombongan dan pertanian membolehkan hasil dikeluarkan dengan lebih cekap dan menguntungkan.
- iii. Tanaman baru telah diperkenalkan seperti kelapa sawit, tembakau, kopi dan getah.
- iv. Berlaku kemasukan tenaga buruh Cina dan India untuk mengusahakan sektor perlombongan dan perladangan.
- v. Cara pengurusan yang lebih berkesan diamalkan untuk mengendalikan kegiatan perlombongan dan perladangan yang dijalankan dalam skala yang besar.
- vi. Kemudahan asas seperti jalan raya dan jalan kereta api disediakan. Kemudahan memunggah dan menyimpan barang di pelabuhan juga ditingkatkan.

- vii. Sistem perhubungan seperti telegraf dan pos turut berkembang.

Faktor-faktor ini menyumbang kepada beberapa bentuk perubahan yang berlaku di Tanah Melayu, seperti :

1. Perkembangan Revolusi Perindustrian
 - i. Bahan mentah banyak diperlukan bagi pasaran yang luas terutama untuk barang-barang keluaran kilang.
 - ii. Bahan mentah banyak terdapat di Tanah Melayu.
2. Pembukaan Terusan Suez dan Penggunaan Kapal Wap
 - i. Terusan Suez yang dibuka pada tahun 1869 dapat memendekkan jarak dan masa pelayaran serta lebih selamat.
 - ii. Penggunaan kapal wap dapat membawa muatan yang lebih banyak. Kapal ini tidak bergantung kepada tiupan angin monsun dan pelayaran boleh dibuat mengikut jadual yang ditetapkan.
3. Peranan Sultan dan Pembesar Melayu
 - i. Lebih peka terhadap perubahan yang berlaku di dunia luar dan peluang ekonomi terbuka kepada mereka.
 - ii. Sedia menerima perubahan baru yang boleh mendatangkan manfaat kepada mereka.
4. Peluang Ekonomi
 - i. British mengambil dasar campur tangan kerana melihat Tanah Melayu kaya dengan bahan mentah untuk membangunkan ekonomi.
 - ii. Tumpuan diberikan kepada perkembangan ekonomi moden.
 - iii. Memperkenalkan sistem pentadbiran dan perundangan Barat seperti sistem pemilikan tanah.

PERUSAHAAN BIJIH TIMAH

Bijih Timah merupakan bahan galian yang terpenting di Tanah Melayu dan menjadi bahan eksport yang utama sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua. Kawasan pengeluar utama ialah Perak dan Selangor. Aktiviti bijih timah mula dikendalikan secara besar-besaran dengan terjumpanya timbunan bijih timah di Larut pada pertengahan abad ke-19.

Antara faktor yang menyebabkan perusahaan bijih timah berkembang ialah:

- i. Perkembangan revolusi perindustrian menyebabkan permintaan untuk bijih timah meningkat kerana bahan itu diperlukan untuk membuat sadur timah bagi mengetin makanan.
- ii. Buruh Cina dibawa masuk dari selatan China. Mereka menggunakan kaedah lombong dedah dan pam kelikir.
- iii. Adanya pelabur asing yang memberi modal kepada pengusaha Eropah dan Cina.
- iv. Menggunakan kapal korek yang diperkenalkan oleh orang Eropah pada tahun 1912. Penggunaannya dapat mengeluarkan bijih timah dengan lebih banyak dan menguntungkan.
- v. Kemudahan sistem perhubungan iaitu jalan raya dan landasan kereta api dibina untuk memudahkan pengangkutan bijih timah dari kawasan perlombongan ke pelabuhan.

Pengeluaran bijih timah telah mendatangkan pendapatan yang lumayan.



Perkembangan perindustrian menyebabkan permintaan terhadap bijih timah meningkat.



Buruh berbangsa Cina dibawa dari selatan China.



Kemudahan sistem perhubungan seperti landasan kereta api dibina untuk memudahkan pengangkutan bijih timah ke pelabuhan.

Menjelang tahun 1899, hampir 46% daripada pendapatan kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu diperoleh daripada penjualan bijih timah. Namun, pada tahun 1927 hingga 1930 berlakunya kemelesetan ekonomi dunia. Ketika itu, harga bijih timah turut merosot kerana permintaan terhadap bijih timah semakin berkurangan.

Kejatuhan harga bijih timah menyebabkan pengusaha bijih timah mengalami kerugian. Ini mengakibatkan banyak lombong bijih timah terpaksa ditutup. Beberapa buah negara pengeluar telah berusaha untuk menstabilkan harga bijih timah. Mereka bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran dan eksport masing-masing.

Walau bagaimanapun, keadaan sebenarnya mendatangkan kesan buruk kepada Tanah Melayu kerana :

1. Kuota pengeluaran yang ditetapkan untuk Tanah Melayu adalah rendah.
 - a. Pada tahun 1930, Tanah Melayu membekalkan 37% daripada jumlah pengeluaran bijih timah dunia. Pada tahun 1938, pengeluaran bijih timah Tanah Melayu jatuh kepada 28%.
 - b. Syarikat-syarikat Eropah yang mempunyai lombong di negeri yang lain mendapat kuota eksport yang tinggi. Oleh itu, mereka mampu menerima kuota yang lebih rendah di Tanah Melayu. Ini telah merugikan Tanah Melayu kerana kos pengeluaran di Tanah Melayu adalah rendah.



Lombong yang dikendalikan oleh kaum Cina menggunakan kaedah pancut. Kapal korek pula diperkenalkan oleh orang Eropah dan dapat mengeluarkan bijih timah dengan lebih banyak dan menguntungkan.



Kapal korek digunakan untuk melombong bijih timah pada tahun 1912.

2. Kuota pengeluaran yang rendah tidak menggalakkan syarikat tempatan membuka lombong bijih timah.

Kepentingan Perlombongan Bijih Timah

Perlombongan bijih timah penting kepada Malaysia. Jongkong timah yang dieksport menyumbang 1.8% daripada jumlah nilai eksport Malaysia (1989). Kegiatan ini memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 8508 orang pada tahun 1990. Pengeluaran bijih timah Malaysia ialah kira-kira 70 000 tan matrik setahun yang diperolehi daripada 1100 buah lombong.

Logam timah digunakan dalam industri sadur timah seperti industri mengetingkan makanan dan minuman. Kegiatan ini telah menggalakkan industri membuat dan membungkus makanan dan minuman. Ia juga digunakan dalam industri membuat piuter yang menjadi cenderamata bagi industri pelancongan. Pateri timah digunakan dalam industri elektronik dan automobil.

Perlombongan bijih timah mewujudkan bandar-bandar seperti Ipoh, Gopeng, Kampar, Batu Gajah, Kuala Lumpur, Taiping dan Seremban. Kegiatan ini menggalakkan pembinaan dan perkembangan jalan kereta api di pantai barat

Semenanjung Malaysia seperti :

- i. Dari Taiping ke Kuala Sepetang (Port Weld).
- ii. Tapah Road ke Teluk Intan.
- iii. Ipoh ke Batu Gajah.
- iv. Seremban ke Port Dickson.

Jarigan jalan raya dibina dari Batu Gajah – Kampar – Sungai Siput – Ipoh. Industri bijih timah juga telah menggalakkan pembangunan awal Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Pulau Pinang. Syarikat perlombongan menyediakan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan bekalan elektrik di kawasan perlombongan.

Masalah-masalah Perlombongan Bijih Timah

Harga bijih timah di pasaran dunia tidak stabil kerana bergantung kepada permintaan di pasaran dunia. Kini pasaran dunia bagi bijih timah adalah lembab. Pembeduan Majlis Timah Antarabangsa (MTA) yang mengawal eksport timah di dunia menyebabkan Malaysia terpaksa mengurangkan jumlah eksport.



Industri bijih timah telah menggalakkan pembangunan awal di Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Pulau Pinang.



Beginilah keadaan kawasan lombong yang telah ditinggalkan. Tanah bekas lombong tidak boleh digunakan untuk pertanian.


Tindakan Malaysia mengurangkan eksport bijih timah, menyebabkan stok simpanan negara meningkat. Kos petroleum yang meningkat, gaji buruh tinggi, dan kos jentera yang meningkat menyebabkan kos pengeluaran turut meningkat. Terdapat pula persaingan daripada bahan yang lain seperti plastik.

Malaysia menghadapi persaingan daripada negara-negara pengeluar lain seperti Brazil, Bolivia, Thailand dan Indonesia.

Kesan-Kesan Negatif Perlombongan Bijih Timah

Perlombongan bijih timah memberi kesan negatif terutama dari struktur muka bumi. Kawasan tanah lombong terdedah kepada proses hakisan terutamanya di tebing bukit. Lapisan atas tanah dimusnahkan akibat penggondolan.

Kawasan lombong yang ditinggalkan menjadi kawasan terbiar dan ditumbuhi rumput dan semak samun. Kolan-kolan lombong besar ditinggalkan oleh pelombong yang menggunakan kapal korek. Terdapat kawasan yang menjadi tandus dan hilang kesuburannya akibat perlombongan bijih timah. Kawasan tersebut kurang sesuai untuk pertanian dan sukar ditebus guna.



Peta Malaysia menunjukkan kawasan perlombongan bijih timah pada awal kurun ke 19. Pada masa itu hampir semua negeri di Tanah Melayu melombong bijih.

Pasir dari bekas lombong dibawa ke sungai dan dimendapkan. Keadaan ini menyebabkan dasar sungai tohor dan berlakunya banjir. Simpanan bijih timah di Malaysia juga telah merosot. Oleh itu, kerajaan memuliharkannya dengan menggalakkan perlombongan semula lombong lama dan menjalankan penyelidikan untuk mempelbagaikan kegunaan bijih timah.

Maka pengurusan bijih timah telah dijalankan bagi tujuan mengelakkan berlakunya kehabisan sumber. Terdapat usaha untuk mencari kawasan bijih timah yang boleh dilombong secara ekonomi tetapi tidak berjaya. Selain itu, terdapat usaha untuk melombong kawasan bekas lombong semula.

Memandangkan pasaran timah antarabangsa lembab, Malaysia mencari jalan untuk mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan kecekapan pengeluaran. Untuk mencapai matlamat ini, Malaysia bekerjasama dengan ITRI (Penyelidikan Bijih Timah Antarabangsa) dan SEATRAD (Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Asia Tenggara).

ITRI dan SEATRAD ditubuhkan untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran dan memperluas kegunaan bijih timah. Kajian geoteknik digunakan dalam pemuliharaan bekas lombong bijih timah. Kajian ini memastikan sama ada tempat tersebut sesuai untuk pertanian atau pembinaan bangunan.

SUDUT UJI MINDA

1. Sudah berapa tahunkah Malaysia mencapai kemerdekaan?
2. Kenapakah perpaduan kaum begitu penting bagi Malaysia?
3. Apakah agenda pembentukan ekonomi moden Malaysia?
4. Kenapa berlaku kemasukan buruh Cina dan India ke Malaysia?
5. Bagaimanakah perkembangan revolusi perindustrian membawa kepada permintaan bijih timah?
6. Siapakah yang memberikan modal kepada pengusaha Eropah dan Cina?
7. Pada tahun berapakah bijih timah mendatangkan keuntungan yang lumayan?
8. Beberapa faktor telah menyumbang kepada perubahan di Tanah Melayu, nyatakan sebab-sebabnya.
9. Bilakah perusahaan bijih timah menjadi eksport penting di Tanah Melayu?
10. Bilakah berlaku kemelesetan ekonomi sehingga menyebabkan harga bijih timah merosot?
11. Kenapa kuota pengeluaran bijih timah di Tanah Melayu rendah?
12. Apakah pentingnya perlombongan bijih timah di Tanah Melayu?
13. Di manakah jalan kereta api pantai barat dibina?
14. Nyatakan kesan-kesan negatif daripada aktiviti perlombongan bijih timah.
15. Setelah pasaran bijih timah lembab terdapat dua buah syarikat yang cuba menstabilkan kembali keadaan dengan meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos, nyatakan nama dua buah syarikat itu.

PERTANIAN DAGANGAN



Pertanian merupakan sumber makanan yang diperlukan oleh manusia. Malaysia bertuah kerana memiliki tanah yang subur dan sesuai ditanam dengan pelbagai tanaman.

Faktor-faktor Menggalakkan Pengeluaran Tanaman Di Malaysia

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi tanaman di Malaysia ialah :

1. Bentuk muka bumi
 - a. Padi sawah tumbuh subur di kawasan tanah pamah dan di lembah sungai seperti di Dataran Kedah-Perlis.
 - b. Getah dan kelapa sawit tumbuh subur di tanah beralun di lereng atau di kaki bukit yang bersaliran baik. Contohnya getah ditanam di sekitar Seremban dan kelapa sawit di tanam di sekitar Labis, Johor.
2. Jenis Tanah
 - a. Padi sawah tumbuh subur di tanah jenis aluvium seperti di Delta Kelantan.

- b. Getah ditanam di tanah laterit seperti di sekitar Seremban.
- c. Nanas ditanam di tanah gambut seperti di Pekan Nenas, Johor.
- d. Kelapa ditanam di tanah pasir seperti di sekitar Bagan Datoh, Perak.

Faktor pengairan juga penting kerana mudah diperoleh dari sungai yang mempunyai air yang banyak sepanjang tahun. Misalnya, pengairan dari Sungai Muda membolehkan penanaman padi dua kali setahun iaitu di Dataran Kedah-Perlis. Kemampuan petani menggunakan baja kimia, racun serangga, dan benih berhasil tinggi menentukan jumlah dan mutu pengeluaran tanaman.

Tenaga buruh diperoleh daripada penduduk yang ramai, rajin dan mahir iaitu mereka berumur dalam lingkungan 15 hingga 59 tahun. Jaringan pengangkutan jalan raya yang baik memudahkan pengangkutan, pengedaran dan pengeksporan hasil pertanian. Kerajaan memberikan khidmat nasihat, bantuan teknikal, kewangan dan penyelidikan kepada petani melalui agensi kerajaan seperti MARDI, FAMA dan LPN.

Pengeluaran tanaman bergantung kepada permintaan, penawaran dan kos pengeluaran. Ketiga-tiga faktor ini mempengaruhi harga tanaman di pasaran. Pengeluaran merujuk kepada proses yang menghasilkan sesuatu barangan atau



Padi sawah tumbuh subur di tanah jenis aluvium seperti di Delta Kelantan.

perkhidmatan. Pengeluaran melibatkan penggunaan sumber ekonomi seperti penggunaan tanaman, jentera, sehingga tenaga pekerja. Kos pengeluaran juga dikenali sebagai faktor pengeluaran merujuk kepada pembayaran untuk kegunaan semua sumber ekonomi seperti sewa untuk tanah, upah bagi pekerja, bunga bagi modal dan untung bagi pengusaha.

Permintaan merujuk kepada kuantiti (jumlah) barangan atau perkhidmatan yang dibeli. Jika harga naik, permintaan menurun. Permintaan bergantung kepada pasaran. Pasaran dalam pengertian ekonomi adalah merujuk kepada pembeli. Terdapat dua jenis pasaran iaitu pasaran tempatan dan pasaran luar negara. Permintaan tempatan bergantung kepada kuasa membeli penduduk. Penduduk yang ramai menyediakan permintaan yang tinggi untuk pasaran tempatan.

Penduduk bandar dan negara maju mempunyai kuasa membeli yang tinggi. Penawaran merujuk kepada kuantiti barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengeluar pada harga dan tempoh masa yang tertentu.

Secara umumnya pertanian merupakan kegiatan yang penting di Malaysia. Pada tahun 1990, sektor ini memberikan peluang pekerjaan kepada 1.8 juta orang. Sebanyak 27.8%



Hasil pertanian dipasarkan di bandar-bandar.



Penduduk di bandar mempunyai kuasa membeli yang tinggi.

daripada jumlah guna tenaga Malaysia terlibat dalam sektor pertanian. Sektor pertanian melibatkan bilangan pekerja yang paling banyak. Sektor pertanian menyumbang 20.7% daripada jumlah eksport negara. Antara hasil utama pertanian yang dieksport termasuklah kelapa sawit, getah, koko dan lada hitam.

Tanaman utama terdiri daripada jenis tanaman makanan (ruji) dan tanaman kontan. Tanaman makanan ditanam secara pertanian pindah dan pertanian sara diri. Kebanyakan tanaman makanan adalah tanaman sara diri. Tanaman makanan seperti sayur-sayuran ditanam secara pertanian pasar.

Kebanyakan hasil pertanian pasar digunakan oleh pasaran tempatan tetapi sebahagiannya dieksport ke Singapura. Penanaman tanaman kontan ditanam secara ladang dan kebun kecil.

Penanaman Getah

Zaman pertanian didefinisikan sebagai satu keadaan bagi Malaysia yang memperoleh sumber ekonomi utamanya daripada bahan pertanian. Pertanian dagangan telah menjadi sumber pendapatan yang utama di Tanah Melayu. Pada peringkat permulaan ia telah diusahakan sebelum abad ke-20. Tanaman yang ditanam termasuklah lada hitam, gambir, ubi kayu, tebu dan kopi.



Kopi merupakan hasil eksport utama.



Tembakau sebagai tanaman sara diri.



Penanaman getah merupakan sumber ekonomi utama Malaysia.

Kebanyakan jenis tanaman yang ditanam merupakan tanaman jangka pendek.

Pada peringkat kedua pula, getah merupakan tanaman yang utama. Semasa peringkat ini kegiatan pertanian mula dijalankan secara besar-besaran. Ia dilaksanakan melalui sistem ladang dan menggunakan pekerja yang ramai. Kebanyakan tenaga buruh dibawa masuk dari India Selatan.

Perladangan getah telah mula diusahakan pada pertengahan tahun 1890-an. Penanaman getah diwujudkan di Tanah Melayu memandangkan iklimnya yang sesuai dan tidak terdapat serangga perosak atau penyakit pokok yang mengancam pertumbuhannya. Hasil tanaman getah yang diperkenalkan telah membawa kepada perkembangan pesat di Tanah Melayu. Perkembangan ini didorong oleh beberapa faktor iaitu :

- i. Perkembangan revolusi perindustrian di Eropah. Ketika ini terdapat pelbagai barang yang diperbuat daripada getah telah dicipta. Contohnya perkembangan perusahaan motokar. Selain itu, permintaan terhadap getah meningkat dan harga getah juga melambung tinggi.
- ii. Wujudnya penyelidikan terhadap penanaman getah. Penyelidikan telah dijalankan dengan cara penanaman yang lebih baik, kesesuaian tanah dan cara pembekuan getah.
- iii. Terdapat ramai tenaga buruh dibawa masuk dari India selatan untuk



Ladang getah telah dimulakan pada pertengahan tahun 1890. Getah digunakan untuk menghasilkan pelbagai jenis barangan yang berasaskan getah seperti tayar kereta, sarung tangan dan pelbagai barangan plastik.



Pada awalnya ladang getah dimonopoli oleh peladang-peladang Eropah. Kawasan ladang getah di Tanah Melayu pada tahun 1908 seluas 269,230 ekar.

- iv. Pengurusan ladang yang cekap hasil daripada pengalaman yang diperoleh semasa membuka ladang kopi membolehkan mereka mengusahakan ladang getah dengan lebih berkesan.
- v. Syarikat-syarikat perwakilan ditubuhkan di Tanah Melayu dan Singapura. Modal diperolehi dari London hasil daripada penjualan saham yang membolehkan mereka membeli tanah untuk membuka ladang getah.
- vi. Dasar British telah menggalakkan penanaman getah dengan memperkenalkan peraturan tanah khas yang membolehkan pengusaha mendapatkan tanah yang lebih luas. Mengenakan bayaran sewa yang rendah dan memberi pinjaman khas kepada syarikat-syarikat Eropah dengan faedah yang rendah.
- vii. Kerajaan British juga membina jalan raya dan landasan kereta api bagi memudahkan pengangkutan getah ke pelabuhan.

Pekembangan Getah

Tahun 1905 hingga 1908 merupakan zaman permintaan getah yang amat menggalakkan. Keadaan ini menyebabkan harga getah turut meningkat dan pembukaan ladang getah secara meluas di Tanah Melayu. Dianggarkan menjelang tahun 1908, kawasan ladang getah meliputi tanah seluas 269,230 ekar di Tanah Melayu.

Antara tahun 1909 hingga 1913, seluas 795,340 ekar tanah telah ditanam dengan getah dan keluasan ini turut meningkat kepada satu juta ekar pada tahun 1920. Mulai tahun 1916, nilai eksport getah telah mengatasi nilai eksport bijih timah dan ia merupakan bahan eksport yang mendatangkan pendapatan utama kepada Tanah Melayu. Maka Tanah Melayu menghasilkan 53% daripada jumlah pengeluaran getah menjelang tahun 1920.

Pada tahun 1989, kira-kira 36.5% daripada kawasan pertanian di Malaysia ditanam dengan getah. Sebanyak 80% daripada kawasan getah terletak di Semenanjung Malaysia manakala 20% di Sabah dan Sarawak. Negeri-negeri pengeluar utama getah ialah Johor, Negeri Sembilan, Kedah-Perlis, Perak dan Pahang. Kawasan utama penanaman getah ialah Jengka Tiga Segi, Sri Aman dan Sandakan.

Kegiatan penanaman getah memberikan peluang pekerjaan kepada kira-kira 100 ribu pekerja dan menampung kehidupan 0.5 juta keluarga pekebun kecil. Pada tahun 1989, eksport getah membentuk 7% (RM 3949 juta) daripada pendapatan negara. Pada tahun 1991, Malaysia adalah pengeluar getah yang ketiga penting di dunia selepas Thailand dan Indonesia. Malaysia mengeluarkan 23.7% daripada keseluruhan pengeluaran dunia pada tahun 1991.



Kegiatan penanaman getah memberi peluang pekerjaan kepada 100 ribu orang. Pada tahun 1991, Malaysia merupakan pengeluar getah yang ketiga penting di dunia.

Pengeluaran getah di Thailand dan di Indonesia mempengaruhi pengeluaran getah di Malaysia. Pengeluaran getah telah merosot daripada 1,538,600 tan metrik kepada 1,252,000 tan metrik pada tahun 1991. Hasil kebun kecil menyumbang 70.8% daripada jumlah keluaran getah Malaysia.

Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk menambahkan pengeluaran getah di Malaysia. RRIM dan MARDEC mengeluarkan klon-klon yang bermutu tinggi. Perangsang susu getah iaitu Stimulant 4D dan etherel dan teknik menoreh getah yang lebih baik telah dihasilkan. Usaha ini telah membantu meningkatkan pengeluaran getah kepada 1295 kilogram sehektar pada tahun 1990.

Namun begitu, pengeluaran getah telah merosot sejak tahun 1988 tetapi masih menjadi tanaman kontan kedua terpenting. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) berusaha untuk :

- i. Membantu pekebun kecil meningkatkan pengeluaran getah.
- ii. Menambahkan kawasan penanaman semula getah.

Melalui RISDA kerajaan memberi bantuan kewangan sebanyak RM5436 sehektar kepada pekebun getah jika mereka terus menanam getah. Baja kimia dan racun serangga digunakan dalam penanaman getah untuk meningkatkan pengeluaran.

Kesan-kesan Penanaman Getah

Penanaman getah memberi kesan negatif terhadap alam sekitar. Pembersihan hutan untuk penanaman getah telah menyebabkan kemusnahan hutan asal dan habitat fauna. Sebahagian daripada kawasan hutan khatulistiwa di Malaysia musnah akibat pembukaan kawasan penanaman getah di Pahang Tenggara dan di Johor Tenggara. Penanaman getah juga menyebabkan hakisan tanah.

Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan hakisan tanah ialah :

- i. Kawasan kaki bukit diteraskan.
- ii. Tumbuh-tumbuhan jenis kekacang ditanam sebagai tanaman tutup bumi.

Antara tahun 1909 hingga 1913, seluas 795,340 ekar tanah telah ditanam dengan getah dan keluasan ini turut meningkat kepada satu juta ekar pada tahun 1920. Mulai tahun 1916, nilai eksport getah telah mengatasi nilai eksport bijih timah dan ia merupakan bahan eksport yang mendatangkan pendapatan utama kepada Tanah Melayu. Maka Tanah Melayu menghasilkan 53% daripada jumlah pengeluaran getah menjelang tahun 1920.

Pada tahun 1989, kira-kira 36.5% daripada kawasan pertanian di Malaysia ditanam dengan getah. Sebanyak 80% daripada kawasan getah terletak di Semenanjung Malaysia manakala 20% di Sabah dan Sarawak. Negeri-negeri pengeluar utama getah ialah Johor, Negeri Sembilan, Kedah-Perlis, Perak dan Pahang. Kawasan utama penanaman getah ialah Jengka Tiga Segi, Sri Aman dan Sandakan.

Kegiatan penanaman getah memberikan peluang pekerjaan kepada kira-kira 100 ribu pekerja dan menampung kehidupan 0.5 juta keluarga pekebun kecil. Pada tahun 1989, eksport getah membentuk 7% (RM 3949 juta) daripada pendapatan negara. Pada tahun 1991, Malaysia adalah pengeluar getah yang ketiga penting di dunia selepas Thailand dan Indonesia. Malaysia mengeluarkan 23.7% daripada keseluruhan pengeluaran dunia pada tahun 1991.



Kegiatan penanaman getah memberi peluang pekerjaan kepada 100 ribu orang. Pada tahun 1991, Malaysia merupakan pengeluar getah yang ketiga penting di dunia.

Pengeluaran getah di Thailand dan di Indonesia mempengaruhi pengeluaran getah di Malaysia. Pengeluaran getah telah merosot daripada 1,538,600 tan metrik kepada 1,252,000 tan metrik pada tahun 1991. Hasil kebun kecil menyumbang 70.8% daripada jumlah keluaran getah Malaysia.

Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk menambahkan pengeluaran getah di Malaysia. RRIM dan MARDEC mengeluarkan klon-klon yang bermutu tinggi. Perangsang susu getah iaitu Stimulant 4D dan etherel dan teknik menoreh getah yang lebih baik telah dihasilkan. Usaha ini telah membantu meningkatkan pengeluaran getah kepada 1295 kilogram sehektar pada tahun 1990.

Namun begitu, pengeluaran getah telah merosot sejak tahun 1988 tetapi masih menjadi tanaman kontan kedua terpenting. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) berusaha untuk :

- i. Membantu pekebun kecil meningkatkan pengeluaran getah.
- ii. Menambahkan kawasan penanaman semula getah.

Melalui RISDA kerajaan memberi bantuan kewangan sebanyak RM5436 sehektar kepada pekebun getah jika mereka terus menanam getah. Baja kimia dan racun serangga digunakan dalam penanaman getah untuk meningkatkan pengeluaran.

Kesan-kesan Penanaman Getah

Penanaman getah memberi kesan negatif terhadap alam sekitar. Pembersihan hutan untuk penanaman getah telah menyebabkan kemusnahan hutan asal dan habitat fauna. Sebahagian daripada kawasan hutan khatulistiwa di Malaysia musnah akibat pembukaan kawasan penanaman getah di Pahang Tenggara dan di Johor Tenggara. Penanaman getah juga menyebabkan hakisan tanah.

Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan hakisan tanah ialah :

- i. Kawasan kaki bukit diteraskan.
- ii. Tumbuh-tumbuhan jenis kekacang ditanam sebagai tanaman tutup bumi.


Selain mengurangkan hakisan tanah, tanaman kekacang dapat mengembalikan nutreïn kepada tanah. Hujan lebat juga menjadi faktor kawasan penanaman getah dilanda banjir. Sistem peparitan dibina untuk membaiki keadaan saluran dan mengelakkan banjir berlaku.

Agensi-agensi kerajaan seperti RISDA dan FELDA memberikan khidmat nasihat kepada pekebun getah tentang pengurusan kebun dan ladang. Pencemaran air sungai berlaku akibat penggunaan racun serangga dan pembuangan bahan sisa daripada kilang memproses getah ke dalam sungai. Akibatnya Sungai Muar tercemar akibat penggunaan baja kimia dan racun serangga. Kolam Air Empangan Durian Tunggal pernah tercemar akibat pembuangan bahan sisa getah. Untuk mengurangkan pencemaran air akibat pembuangan bahan sisa getah, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Syarikat Getah Yokohama dari Jepun menggunakan bahan serum dalam bahan sisa getah untuk menghasilkan baja.

Agensi-agensi kerajaan sentiasa memberi panduan kepada pekebun getah cara mengawal penggunaan bahan-bahan kimia seperti baja dan racun serangga.

Kejatuhan Harga Getah

Pengeluaran getah mempunyai kaitan dengan harga getah di pasaran dunia. Pada tahun



Penyelidikan oleh beberapa agensi kerajaan telah menambah pengeluaran getah. Perangsang susu getah dan teknik menoreh getah yang lebih baik dapat menghasilkan peningkatan pengeluaran getah.



Pengeluaran getah meningkat kerana perkembangan industri automobil dan sarung tangan getah. Gambar hiasan ialah sebuah kilang sarung tangan yang terletak di Salak Tinggi, Sepang, Selangor Darul Ehsan.

1988, harga getah meningkat kepada 309.99 sen sekilogram dan pengeluaran getah Malaysia meningkat kepada 1,661,600 tan metrik. Harga pada tahun 1988 meningkat kerana adanya permintaan tinggi untuk getah asli.

Permintaan meningkat kerana perkembangan industri automobil dan industri membuat sarung tangan getah. Pada tahun 1988, industri membuat kereta berkembang di Korea Selatan, di Republik Rakyat China, Jepun, Taiwan, Brazil, India, Turki dan Argentina. Selepas tahun 1988, harga getah menurun hingga kepada 233.37 sen sekilogram pada tahun 1990. Pengeluaran getah di Malaysia juga merosot daripada 1,661,600 kepada 1,291,500 tan metrik pada tahun 1990.

Antara faktor kejatuhan harga getah pada tahun 1990 ialah :

- i. Kejatuhan permintaan untuk getah.
- ii. Persaingan daripada getah tiruan.
- iii. Pengeluaran yang tidak terkawal.

Getah asli juga menghadapi saingan hebat daripada getah tiruan. Kira-kira 64.8% daripada penggunaan getah dunia terdiri daripada getah tiruan. Getah tiruan lebih digemari kerana harga yang lebih rendah. Pengeluaran getah di Thailand dan di Indonesia mengancam pengeluaran getah Malaysia kerana kos pengeluaran di kedua-ke dua negara tersebut adalah lebih rendah. Manakala kos tenaga buruh di Thailand dan Indonesia lebih rendah dan dapat menawarkan harga getah yang rendah. Kejatuhan harga menyebabkan petani Malaysia menanam tanaman lain seperti kelapa sawit.

Kawasan getah juga dijadikan kawasan perumahan dan perkilangan. Keadaan ini menyebabkan kurangnya kawasan penanaman getah sebanyak 0.3% iaitu 1,810,000 hektar dari tahun 1990 hingga 1991. Kawasan penanaman getah pada keseluruhannya telah merosot tetapi daya pengeluaran getah bagi setiap hektar telah meningkat.

Tahun	Ladang	Kebun Kecil	Purata
1980	1428	964	1108
1981	1432	952	1097
1982	1426	956	1093
1983	1423	1054	1161
1984	1387	1053	1147
1985	1419	993	1108
1986	1497	1072	1182
1987	1506	1116	1216
1988	1498	1200	1275
1989	1503	1200	1278
1990	1549	1194	1295

Jadual : Purata daya pengeluaran getah dalam kilogram sekitar 1980 – 1990

Penanaman Kelapa Sawit

Tanaman ini telah mula diusahakan secara ladang oleh seorang berbangsa Perancis. Ladang kelapa sawit kemudiannya menjadi milik Socfin Plantations iaitu sebuah syarikat kepunyaan orang Perancis. Perusahaan kelapa sawit dikuasai oleh orang Eropah. Menjelang tahun 1933, keluasan ladang kelapa sawit ialah 64,000 ekar dan terdapat 32 buah syarikat yang mengusahakan penanaman kelapa sawit.



Tanaman kelapa sawit mula diusahakan oleh seorang berbangsa Perancis.



Ladang kelapa sawit turut bersaing dengan getah dalam penggunaan tanah.

Malaysia merupakan pengekspor minyak sawit dan isirung kelapa sawit yang terbesar di dunia. Malaysia juga mengeluarkan 53.3% daripada jumlah pengeluaran kelapa sawit dunia bagi tahun 1991. Ini kerana kelapa sawit menjadi tanaman konton utama Malaysia. Pada tahun 1990, Malaysia mengeluarkan 6,084,000 tan minyak sawit. Minyak kelapa sawit adalah bahan eksport yang ketiga pentingnya bagi Malaysia selepas petroleum dan kayu balak. Kegiatan ini memberikan peluang pekerjaan kepada 200,000 keluarga di kawasan luar bandar dan 120,000 orang pekerja di ladang.

Kelapa sawit bersaing dengan getah dalam penggunaan tanah. Ini kerana kedua-dua tanaman ini sesuai ditanam di kawasan beralun atau tanah rendah yang bersaliran baik. Sesetengah kawasan getah ditanam kelapa sawit kerana permintaan untuk kelapa sawit adalah lebih tinggi. Kawasan-kawasan utama penanaman kelapa sawit ialah di pantai barat Semenanjung Malaysia. Antaranya ialah di sekitar Labis, Kluang dan Jengka Tiga Segi. Manakala di Sabah, kelapa sawit ditanam terutamanya di sekitar Tawau, Lahad Datu dan Sandakan.

Negeri-negeri pengeluar utama minyak sawit ialah Johor, Pahang, Sabah dan Perak. Keluasan kawasan penanaman kelapa sawit telah meningkat dengan pesat sejak tahun 1970 kerana permintaan dari dalam dan dari luar negara semakin meningkat. Kawasan kelapa sawit semakin meningkat kerana rancangan pembukaan tanah baru dijalankan di pantai timur Semenanjung Malaysia dan di Sabah bagi memenuhi permintaan.

Kelapa sawit lebih sesuai ditanam di ladang. Di samping itu, tanaman ini memerlukan kemudahan seperti kilang pemprosesan dan jaringan pengangkutan yang baik. Buah kelapa sawit perlu diproses dengan cepat kerana mudah rosak. Kawasan penanaman pokok kelapa sawit telah meningkat daripada 120,000 hektar pada tahun 1966 kepada 2,070,000 hektar pada tahun 1990. Pengeluaran minyak sawit telah meningkat daripada 4.5 juta tan metrik pada tahun 1986 kepada 6.1 juta tan metrik pada tahun 1990.

Tahun	Luas ('000 hektar)
1966	120
1970	270
1975	600
1980	1023
1986	1599
1990	2070

Jadual : Luas kawasan penanaman kelapa sawit di Malaysia (1966 – 1990)

Tahun	1986	1987	1988	1989	1990	1991
Pengeluaran ('000 tan metrik)	4543.8	4533.1	5030.2	6056.5	6094.6	6141.0
Harga (RM setan metrik)	579	774	1029	822	701	840 (anggaran)

Jadual : Pengeluaran dan harga kelapa sawit Malaysia bagi tahun 1986 – 1990

Faktor yang menggalakkan pengeluaran kelapa sawit

Minyak sawit digunakan secara meluas untuk industri membuat makanan, contohnya majerin, sabun dan alat solek. Permintaan daripada negara-negara seperti India, China, dan Pakistan semakin meningkat. Harga minyak sawit lebih murah berbanding dengan harga minyak sayuran lain seperti minyak kacang soya, rapeseed dan kelapa.

Terdapat banyak modal daripada pelabur asing pada tahun 1990 yang bertujuan mendirikan kilang-kilang memproses minyak sawit, membina jalan raya dan jalan kereta api yang lebih baik. Lawatan promosi ke negara-negara pengguna minyak sawit oleh PORIM juga menambahkan permintaan luar negeri. Industri tempatan yang menggunakan minyak sawit berkembang. Terdapat 53 kilang menapis minyak sawit mentah dan 286 buah kilang minyak sawit.

Faktor fizikal dan iklim juga menggalakkan penanaman kelapa sawit. Antara faktor tersebut ialah :

- i. Bentuk muka bumi yang beralun dan bertanah peroi yang bersaliran baik menggalakkan pertumbuhan kelapa sawit.
- ii. Keadaan suhu yang tinggi sepanjang tahun iaitu 27°C .
- iii. Jumlah hujan tahunan melebihi 2030 mm sesuai untuk tanaman kelapa sawit.



Majikan menyediakan rumah kepada pekerja ladang.



Minyak kelapa sawit digunakan untuk menghasilkan majerin, sabun dan alat solek.




Lelembak Fluido daripada hasil minyak kelapa sawit.

Masalah Pengeluaran Kelapa Sawit

Permintaan untuk minyak sawit dipengaruhi oleh beberapa faktor. Harga minyak sawit di pasaran dunia tidak stabil dan menyebabkan permintaan untuk minyak sawit tidak stabil. Pada tahun 1980, harga minyak sawit ialah RM919 setan metrik. Harganya jatuh kepada RM899 pada tahun 1989 dan terus jatuh kepada RM701 pada tahun 1990.

Selain itu, terdapat juga saingan daripada minyak pengganti yang lain seperti minyak kacang soya. Permintaan untuk minyak sawit juga merosot akibat kempen anti-minyak tropika di Amerika Syarikat. Pada tahun 1988, Amerika Syarikat menggantikan minyak sawit dengan minyak sayur yang lain. Keadaan ini menyebabkan eksport minyak sawit Malaysia merosot daripada 179,242 tan metrik pada tahun 1988 kepada 123,236 tan metrik pada tahun 1989.

Terdapat saingan juga daripada negara-negara pengeluar lain seperti Indonesia. Ini disebabkan Indonesia dapat mengeluarkan minyak sawit dengan harga yang lebih rendah kerana mempunyai tenaga buruh yang banyak dan murah. Kos pengeluaran di Malaysia adalah lebih tinggi kerana kos buruh dan pengangkutan adalah tinggi. Pengeluaran yang melebihi permintaan dunia pada tahun 1990 telah menyebabkan harga minyak sawit jatuh kepada RM701 setan.



Kilang minyak sawit mentah.

Usaha Meningkatkan Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit

Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia (MPOPC) menggalakkan penggunaan minyak sawit di seluruh dunia dan bertindak terhadap kempen anti-minyak sawit. Malaysia juga telah mengambil langkah dengan menghantar rombongan teknik ke negara-negara seperti Turki dan Republik Rakyat China untuk menjelaskan kegunaan minyak sawit dan khasiatnya.

Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Sawit Malaysia (PORLA) dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) mengambil bahagian dalam pemasaran dan pameran antarabangsa untuk meningkatkan permintaan di pasaran dunia. Agensi-agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan RISDA membuka kawasan baru untuk kegiatan penanaman kelapa sawit seperti di Jengka Tiga Segi.

Oleh itu, pada tahun 1990 FELDA membuka 343 skim rancangan penanaman kelapa sawit. PORIM menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan baka kelapa sawit yang bermutu, cara pengebangan dan penanaman serta pemprosesan minyak yang lebih baik. Jentera pemungkah dan jentera penuai digunakan oleh peladang untuk meningkatkan kecekapan pengurusan di ladang bagi pengeluaran yang lebih tinggi.

Usaha juga diteruskan terutama memperkenalkan kegunaan minyak sawit yang baru seperti projek diesel sawit (metil



Agensi kerajaan seperti RISDA menjalankan kegiatan penanaman kelapa sawit di Jengka Tiga Segi.

ester) dan projek mengeluarkan vitamin-E daripada asid lemak sawit suling. Baja kimia dan racun serangga digunakan untuk meningkatkan hasil pengeluaran. Perbadanan kilang FELDA telah membina lebih banyak kilang minyak kelapa sawit.

Kesan Terhadap Alam Sekitar

Kegiatan penanaman kelapa sawit telah menimbulkan kesan-kesan negatif terhadap alam sekitar. Penebangan hutan tanpa kawalan untuk penanaman kelapa sawit menyebabkan hakisan tanah. Tanah yang dihakis dan dibawa ke sungai mengganggu bekalan sumber air bersih untuk penduduk di sepanjang sungai.

Pemendapan tanah terhakis dan dibawa ke sungai juga menyebabkan banjir kilat selepas hujan lebat. Untuk mengatasi masalah hakisan tanah, tanaman tutup bumi seperti tanaman kacang ditanam di kawasan penanaman kelapa sawit yang baru. Pembukaan tanah untuk menanam kelapa sawit menyebabkan kemusnahan kepada habitat pelbagai jenis fauna dan pokok yang berharga.

Pencemaran sungai yang berlaku disebabkan oleh bahan kimia yang terlarut daripada baja kimia dan racun serangga yang digunakan di ladang kelapa sawit. Untuk mengatasi penggunaan racun perosak, burung hantu digunakan untuk mengawal haiwan perosak seperti tikus di ladang. Agensi-agensi kerajaan seperti FELDA, KEJORA dan KETENGAH berusaha mengurangkan kesan-kesan buruk penanaman kelapa sawit terhadap alam sekitar.



Suatu masa dahulu kelapa merupakan tanaman terpenting kepada Malaysia dan mempunyai nilai eksport yang tinggi.

Penanaman Kelapa

Kelapa merupakan tanaman tradisional tempatan. Penanaman kelapa yang dihasilkan adalah bagi tujuan mendapatkan kelapa kering untuk tujuan dieksport. Ladang kelapa yang diusahakan oleh orang Eropah adalah secara kecil-kecilan. Perusahaan kelapa mendatangkan pendapatan yang lumayan bagi tahun;

1906 : Nilai eksport kelapa kering berjumlah \$9 juta.

1912 : Nilainya meningkat kepada \$17 juta.

1937 : Nilainya berjumlah \$36 juta.

Pokok kelapa ditanam terutama di kebun-kebum kecil (90%) dan ditanam sebagai tanaman sambilan oleh petani. Kawasan-kawasan utama penanaman kelapa ialah :

- i. Johor : di sekitar Batu Pahat – Rengit.
- ii. Perak : di sekitar Bagan Datoh (ditanam di estet).
- iii. Selangor : di sekitar Sepang dan Sabak Bernam.
- iv. Kelantan : di sekitar Tumpat, Bachok dan Pasir Putih.

Kawasan-kawasan tersebut terdiri daripada tanah pamah, tanah rata dan mempunyai tanah pasir yang bersaliran baik. Kawasan jaluran pantai seperti di Tumpat, Pasir Putih dan Bagan Datoh dipengaruhi oleh bayu laut. Keadaan ini memberi galakan bagi penanaman pokok kelapa. Terdapat permintaan daripada kilang-kilang tempatan yang membuat minyak masak, santan atau kelapa yang ditinkan dan sabun.

Hasil dan buah kelapa dieksporth ke Singapura, Kanada dan United Kingdom. Jumlah eksport bernilai RM18.7 juta pada tahun 1982.

Faktor Yang Mempengaruhi Penanaman Kelapa

Kawasan penanaman kelapa semakin kurang iaitu daripada 349,400 hektar pada tahun 1980 kepada 298,000 hektar pada tahun 1984. Keadaan ini berlaku disebabkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun kelapa. Di samping itu, terdapat saingan daripada minyak masak yang lain seperti minyak sawit, kacang soya dan rapeseed. Terdapat juga saingan dari negara-negara pengeluar kelapa yang lain seperti Filipina, Indonesia dan Sri Lanka.

Tahun	Harga (AS\$ setan)
1983	730
1986	297
1989	517
1990	337

Jadual : Purata harga minyak kelapa

Pemintaan untuk minyak kelapa di pasaran tempatan dan dunia juga telah merosot. Manakala pokok-pokok kelapa tua yang kurang berbuah serta diserang penyakit ditebang dan ditanam semula.


Oleh sebab itu, kerajaan berusaha untuk meningkatkan pengeluaran tanaman kelapa dengan menggalakkan penanaman semula di bawah Projek Kemajuan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa untuk menggantikan pokok kelapa yang tua. Kerajaan memberikan subsidi berupa wang, baja dan pembinaan tali air kepada petani.

MARDI dan Jabatan Pertanian menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan benih yang bermutu tinggi seperti jenis MAWA dan menyediakan tapak semaian. FAMA membantu dalam pemprosesan dan pemasaran kelapa. FAMA mendirikan pusat-pusat pemprosesan untuk pekebun kecil di Bagan Datoh, Batu Pahat dan Rengit.

SUDUT UJI MINDA

1. Pada tahun berapakah permintaan terhadap getah meningkat?
2. Berapa luasnya kawasan tanaman getah di Malaysia pada masa itu?
3. Malaysia merupakan pengeluar getah yang ke berapa?
4. Apakah nama ringkas Institut Penyelidikan Getah Malaysia?
5. Apakah nama perangsang susu getah yang diperkenalkan untuk meningkatkan keluaran getah negara?
6. Di kawasan manakah getah ditanam untuk mengurangkan hakisan tanah?
7. Nyatakan nama agensi-agensi kerajaan yang memberikan khidmat nasihat kepada pekebun getah.
8. Getah banyak digunakan dalam industri apa?
9. Namakan saingan kepada getah asli yang dikeluarkan oleh Malaysia.
10. Selain getah tiruan, negara manakah yang turut bersaing dalam keluaran getah dengan Malaysia?
11. Siapakah yang memulakan tanaman kelapa sawit secara ladang?
12. Apakah faktor yang menggalakkan pengeluaran kelapa sawit?
13. Apakah faktor fizikal penanaman kelapa sawit?
14. Siapakah yang berkempen menentang minyak sawit Malaysia?
15. Selain minyak masak, apakah kegunaan minyak kelapa sawit?

PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN



Kilang membuat sistem peralatan pembersihan.

Pada umumnya industri Malaysia terdiri daripada tiga jenis industri utama iaitu industri primer, industri sekunder dan industri tertier. Industri primer dikenali sebagai industri peringkat pertama kerana ia menyediakan bahan-bahan mentah untuk digunakan oleh industri-industri yang lain.

Bahan mentah diperolehi daripada sektor pertanian, perikanan, pembalakan, dan perlombongan untuk diproses. Contohnya, kayu balak diproses untuk dijadikan papan. Industri sekunder dikenal juga sebagai industri peringkat kedua. Bahan mentah diperolehi daripada sektor pertanian, perikanan, pembalakan dan perlombongan untuk diproses. Contohnya, kayu balak diproses untuk dijadikan papan.

Industri sekunder dikenal juga sebagai industri peringkat kedua. Industri ini menukarkan hasil keluaran daripada industri primer kepada barang-barang yang dapat digunakan oleh manusia. Industri sekunder terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

- i. Industri ringan yang mengeluarkan barang-barang pengguna seperti makanan dan minuman, pakaian dan industri elektronik.
- ii. Industri berat yang mengeluarkan besi, keluli, kereta dan kapal.

Industri tertier dikenal juga sebagai industri peringkat ketiga. Aktiviti yang dijalankan adalah dalam bentuk perkhidmatan contohnya, kewangan, perniagaan, insurans, pengangkutan dan pelancongan.

Malaysia Sebagai Pusat Perkembangan Industri

Terdapat pelbagai faktor yang menjadikan Malaysia sebagai lokasi paling berpengaruh. Perubahan yang berlaku dalam sektor perindustrian Malaysia adalah mengikut peredaran zaman. Lazimnya negara yang kaya dengan bahan mentah daripada hasil-hasil pertanian, perlombongan dan perhutanan akan terlibat dalam industri pemprosesan dan industri sekunder.

Industri yang menggunakan bahan mentah yang berat dan pual akan ditempatkan berhampiran dengan sumber bahan mentah untuk mengurangkan kos pengangkutan seperti industri besi dan keluli. Contohnya, industri besi dan keluli yang terletak di Prai berhampiran Pelabuhan Pulau Pinang diwujudkan supaya arang batu dan bijih besi mudah diangkut. Kilang yang memproses bahan mentah yang cepat rosak juga terletak berhampiran dengan sumber bahan mentah seperti kilang memproses buah kelapa sawit di ladang.



Kilang besi.

Industri yang bergantung kepada bahan mentah yang diimport diletakkan berhampiran dengan pelabuhan. Kilang juga ditempatkan di kawasan yang mudah memperoleh modal. Di Malaysia terdapat banyak kawasan perindustrian terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia kerana mudah memperoleh modal daripada pelabur tempatan, pelabur asing dan kerajaan. Negara dengan keadaan politik yang stabil menggalakkan pelaburan asing.



Kawasan perindustrian Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Kerajaan memberikan insentif seperti taraf perintis dan Zon Perdagangan Bebas (FTZ) kepada pengusaha kilang. Zon Perdagangan Bebas adalah kawasan perindustrian yang diberi keistimewaan oleh kerajaan seperti insentif cukai, kemudahan kredit dan pengecualian cukai import dan eksport. Pelabur asing dan tempatan digalakkan mendirikan kilang di Zon Perdagangan Bebas, contohnya industri elektronik di Bayan Lepas.

Kawasan yang dipilih oleh kerajaan untuk dimajukan sebagai kawasan perindustrian terletak di Senawang, Sarikei, Tenom dan Likas. Kemudahan infrastruktur seperti kemudahan perhubungan dan pengangkutan, bekalan elektrik dan air, bank dan gudang juga mempengaruhi perkembangan industri. Industri yang berorientasi eksport terletak berhampiran dengan pelabuhan atau lapangan terbang.



Menara Mesiniaga yang terletak di Subang Jaya, Selangor.

Industri yang memerlukan air terletak berhampiran dengan sungai seperti kilang tekstil dan kilang keluli di Perai yang terletak berhampiran dengan Sungai Perai dan Sungai Juru. Industri yang berorientasi pasaran seperti membuat roti dan ais krim akan diletakkan berhampiran dengan tempat-tempat yang berpenduduk ramai seperti di bandar. Industri tertier juga berkembang berhampiran dengan bandar yang terdapat permintaan tinggi. Contohnya, industri perhotelan di Kuala Lumpur.

Faktor tenaga buruh amat penting kepada industri yang berorientasikan buruh seperti industri elektronik dan tekstil. Contohnya, industri elektronik diletakkan di Bayan Baru, Pulau Pinang kerana terdapat bekalan buruh yang mencukupi. Tenaga buruh yang banyak dan murah menggalakkan pelaburan asing.

Bahan api dan kuasa tidak kurang pentingnya untuk industri besi dan keluli serta industri aluminium. Pengaruh bahan api dan kuasa terhadap kedudukan industri semakin kurang kerana kuasa elektrik dapat dihantar melalui kabel ke jarak yang jauh. Kilang-kilang mungkin diletakkan berhampiran dengan kilang-kilang yang dapat membekalkan bahan mentah kepadanya. Faktor ini dikenali sebagai pengaruh pengelompokan industri.

Contohnya, industri kimia dan industri membuat cat terletak di kawasan yang sama di Petaling Jaya. Keperluan tanah juga menjadi faktor kedudukan industri. Industri memasang kereta Proton Saga diletakkan di Shah Alam yang mempunyai



Kilang barangan elektrik yang terletak di Shah Alam, Selangor.



Pejabat SIRIM yang terletak di Shah Alam, Selangor.

tanah datar yang luas dengan harga yang rendah. Pemilihan tapak mungkin dipengaruhi oleh sebab-sebab peribadi. Kilang kereta British Leyland terletak di Oxford kerana bandar Oxford merupakan tempat asal usahawan tersebut iaitu William Morris.

Dalam usaha memastikan perkembangan sektor industri berjalan lancar, kerajaan mengambil inisiatif merangka satu pelan induk perindustrian. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Pertubuhan Pembangunan Perindustrian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNIDA) telah menggubal pelan induk perindustrian.

Kerajaan merancang strategi untuk dasar-dasar perindustrian Malaysia sehingga tahun 1995. Strategi-strategi dalam pelan induk perindustrian adalah seperti berikut iaitu :

- i. Struktur galakan perindustrian yang sedia ada disusun semula.
- ii. Menggalakkan penduduk negara menggunakan barangan buatan Malaysia.
- iii. Mendapat pasaran baru di negara-negara sosialis dan negara-negara sedang membangun dan mempelbagaikan pasaran eksport.
- iv. Memperluas kegiatan industri ke kawasan yang kurang maju.
- v. Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan.
- vi. Menggalakkan pertumbuhan industri berat dan industri berskala kecil serta berskala sederhana.


Industri Elektrik dan Elektronik

Industri elektronik bermula pada tahun 1967 dengan pembinaan kilang-kilang untuk mengeluarkan radio dan televisyen. Pada tahun 1990, terdapat 420 buah syarikat elektronik negara asing yang telah membuka cawangan di Bayan Lepas, Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan.

Antara negara-negara asing yang membuka cawangan di Malaysia termasuklah Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah Barat. Industri ini memberikan peluang pekerjaan kepada kira-kira 144,000 pekerja. 85% daripadanya adalah kaum wanita.

Faktor-faktor yang menggalakkan syarikat-syarikat antarabangsa memilih Malaysia ialah:

1. Tenaga buruh yang ramai dan murah. Industri elektrik dan elektronik memerlukan banyak tenaga buruh.
2. Terdapat juga tenaga buruh yang mahir dan separuh mahir yang mudah dilatih.
3. Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat asing mendirikan cawangan-cawangan di Malaysia dengan memberikan insentif seperti pengecualian cukai dan elaun insentif pelaburan khas di Zon Perdagangan Bebas (FTZ) seperti di Bayan Lepas.
4. Keadaan politik yang aman dan tenteram menggalakkan pelaburan asing.



Pameran perdagangan untuk menarik lebih ramai pelabur ke Malaysia.



Malaysia telah terbabit dalam industri pembuatan kereta.

5. Kemudahan sampingan seperti pembungkusan, barang-barang plastik menggalakkan syarikat elektronik didirikan di kawasan berhampiran.
6. Terdapat kemudahan pengangkutan yang baik seperti jalan raya yang menghubungkan kilang dengan lapangan terbang. Contohnya, kilang-kilang industri elektrik dan elektronik di Bayan Lepas dihubungkan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas melalui jalan raya.

Faktor-faktor ini telah menggalakkan perkembangan industri elektronik dan elektrik di Malaysia. Perkembangan yang baik menjadikan Malaysia sebagai pengeksport utama semikonduktor di dunia. Industri elektronik juga membawa kesan buruk. Pencemaran udara dan air berlaku akibat penggunaan bahan kimia seperti plumbum, zink dan arsenik yang digunakan sebagai agen pelarut oleh kilang elektronik.

Industri Membuat Kereta Nasional

Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) telah ditubuhkan pada 7 Mei 1983 bagi tujuan memajukan projek membuat kereta nasional. Bagi memastikan usaha ini berjalan lancar, HICOM diberi peranan untuk bekerjasama dengan dua buah syarikat Jepun iaitu Mitsubishi Corporation dan Mitsubishi Motors, Jepun. Kilang kereta ini terletak di Shah Alam, Selangor.

Kawasan Perindustrian Batu Tiga Shah Alam dipilih sebagai tapak industri kerana kedudukannya yang strategik. Ini kerana kawasan tersebut terletak dekat dengan Pelabuhan Klang bagi memudahkan beberapa kerja seperti :

- i. Memudahkan kerja-kerja mengangkut bahan mentah serta komponen kereta yang diimport dari luar negara ke kilang.
- ii. Kereta mudah dieksport ke luar negara.

Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Klang yang terletak berhampiran mempunyai penduduk yang padat dan menyediakan pasaran yang baik untuk kereta penumpang. Lembah Klang yang berpenduduk padat membekalkan bekalan pekerja yang mahir dan separuh mahir dengan kelayakan dalam bidang teknik dan vokasional.

Pekerja-pekerja tersebut banyak diberi latihan dalam pembuatan kereta di Jepun. Kereta nasional dibuat daripada bahan mentah tempatan dan komponen yang diimport. Antara bahan-bahan tempatan yang digunakan termasuklah tayar kereta, kaca untuk cermin, cat, kerusi dan bateri.

Terdapat faedah daripada pengelompokan industri di Shah Alam yang mempunyai kilang membuat tayar, cermin tingkap kereta dan cat. Contohnya :



Kereta nasional mendapat permintaan yang menggalakkan, rakyat Malaysia berbangga dengan kereta keluaran negara.



Getah tempatan banyak digunakan dalam industri pembuatan tayar kenderaan.

- i. Kaca daripada kilang kaca di Sungai Buluh.
- ii. Tayar daripada syarikat tayar seperti Dunlop dan Good Year.
- iii. Cat daripada kilang cat seperti ICI.

Terdapat kemudahan infrastruktur yang lengkap di Shah Alam seperti bekalan elektrik dan air, perhubungan telekomunikasi dan jaringan pengangkutan jalan raya. Terdapat kemudahan kewangan seperti bank, insurans dan kedutaan-kedutaan luar negara di Kuala Lumpur dan Shah Alam.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengembangkan industri kereta nasional ialah :

- i. Memberikan perlindungan tarif dalam negeri supaya dapat bersaing dengan jenis kereta lain.
- ii. mengenakan cukai tinggi ke atas semua kereta yang diimport.

Permintaan tempatan untuk kereta nasional ialah 100,000 unit setahun. Angka ini menunjukkan kurangnya pergantungan negara kepada kereta import dan dapat mengurangkan pertukaran wang asing.

Industri ini mendedahkan teknologi yang moden dan canggih kepada tenaga pekerja tempatan dan meningkatkan kadar kemahiran mereka. Teknologi yang canggih juga dipindahkan ke Malaysia untuk industri membuat kereta. Sejak tahun 1988,

kereta Proton Saga telah dieksport ke luar negara seperti ke United Kingdom, New Zealand dan Jamaica.

Pengeksportan kereta Proton Saga telah menambahkan pendapatan negara. Boleh dikatakan kira-kira 50% daripada pasaran tempatan untuk kereta dikuasai oleh Proton Saga. Kerajaan telah memilih kawasan Shah Alam, Batu Tiga dan Puchong sebagai pusat aglomerasi industri kereta kerana :

- i. Kebanyakan kilang pemasangan kereta ditempatkan di kawasan tersebut.
- ii. Kawasan tersebut jauh dari kawasan penempatan penduduk dan tidak menyebabkan pencemaran udara dan bunyi yang dapat menjejaskan kesihatan penduduk.

Industri Tertier di Malaysia

Industri tertier terdiri daripada perkhidmatan kewangan, pelancongan, pengangkutan, urusniaga dan perkhidmatan awam seperti pendidikan. Pada tahun 1991, industri ini memberikan sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), terutamanya perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran.



Industri pelancongan memberikan pulangan lumayan kepada hasil kraftangan tempatan.



Sektor pengangkutan turut memberikan sumbangan tinggi kepada KDNK.

Sumbangan yang tinggi oleh industri ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan pengguna dan usaha kerajaan yang menggalakkan pelancongan. Pada tahun 1991, destinasi pelancongan menyumbangkan sebanyak RM8.8 juta kepada KDNK. Ini kerana terdapat peningkatan dalam permintaan sektor swasta bagi kredit bank dan kadar sewa yang tinggi untuk bangunan swasta. Sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan menyumbang sebanyak RM600 juta kepada KDNK. Antara faktor yang mempengaruhi sumbangan tersebut ialah :

- i. Projek perluasan untuk meningkatkan keupayaan oleh Kereta Api Malaysia Berhad.
- ii. Pertambahan dalam perkhidmatan bas, teksi, lori dan treler akibat permintaan yang semakin meningkat.
- iii. Projek pembinaan lebuh raya seperti Projek Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS).
- iv. Projek lapangan terbang antarabangsa di Sepang.

Pertumbuhan industri tertier sangat bergantung kepada permintaan. Industri tertier yang berorientasikan pasaran semakin penting dengan pertumbuhan penduduk yang pesat seperti di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur menjadi pusat utama industri tertier di Malaysia dengan perkhidmatan kewangan, insurans, pendidikan, pengangkutan, pelancongan dan pentadbiran.


Di Kuala Lumpur terdapat juga ibu pejabat bank, insurans dan syarikat besar, hotel mewah antarabangsa, universiti dan hospital. Kerajaan menyediakan perkhidmatan pendidikan, kebajikan, kesihatan dan pertahanan untuk negara. Badan swasta dan orang persendirian juga menawarkan khidmat sekolah, klinik dan hospital swasta. Kebanyakan industri tertier terletak di KPP sesebuah bandar yang merupakan pusat tumpuan penduduk dan kegiatan ekonomi.

Institusi kewangan telah mula berkembang sejak tahun 1789 kerana faktor sejarah lebih mempengaruhi perkembangan sektor perbankan. Sejak tahun 1789, perniagaan telah bermula di George Town dan berkembang pesat sejak abad ke-19. Bank-bank terletak di sepanjang Lebuh Pantai kerana berhampiran dengan perkhidmatan tertier seperti insurans, borong, runcit, pengangkutan dan restoran. Kelebihan pengelompokan ini juga dinikmati oleh bank-bank dan perkhidmatan lain.

Perkhidmatan bank-bank di Lebuh Pantai penting kerana terdapat ibu pejabat syarikat-syarikat perniagaan antarabangsa. Syarikat pemborong dalam perniagaan import dan eskport dan syarikat-syarikat pemaju rumah yang terletak di Lebuh Pantai juga menggunakan perkhidmatan bank. Kegiatan import dan eksport di Pelabuhan Pulau Pinang memerlukan perkhidmatan kewangan seperti kredit. Perkhidmatan bank di Lebuh Pantai maju dengan perkembangan George Town sebagai pusat perniagaan untuk wilayah utara di Semenanjung Malaysia.



Perkhidmatan bank amat penting dalam urusan perniagaan sama ada di dalam atau pun di luar negara.



Kebanyakan perniagaan besar tertumpu di pusat-pusat bandar.

Di pusat-pusat bandar terdapat kedai runcit serta pemborong, pasar raya dan institusi kewangan yang memerlukan perkhidmatan kewangan. Institusi kewangan terletak berhampiran dengan peniaga supaya mereka mudah mendapat kemudahan kewangan. Antara kemudahan yang ditawarkan oleh kebanyakan institusi kewangan ini ialah :

- i. Kemudahan kewangan kepada kedai atau syarikat yang memberikan kemudahan sewa-beli kepada pelanggan.
- ii. Nasihat pelaburan kepada pelanggan untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan dan perindustrian.

Selain itu, institusi kewangan memberikan kemudahan pinjaman kepada pelanggan yang ingin memulakan perniagaan, membeli rumah dan tanah telah menggalakkan pertumbuhan kegiatan ekonomi bandar. Contohnya, institusi kewangan telah mempengaruhi perkembangan sektor perniagaan di bandar Bukit Mertajam.

Perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh institusi kewangan juga telah menggalakkan perkembangan bidang industri di bandar Bukit Mertajam. Di sekitar bandar Bukit Mertajam terdapat industri ringan seperti membuat kain, makanan dan minuman. Contoh perkhidmatan yang disediakan untuk penduduk di pekan dan di kampung di sekitar bandar Bukit Mertajam ialah :


- i. Menerima simpanan wang daripada orang ramai dan organisasi perniagaan.
- ii. Memberi pinjaman melalui akaun pinjaman atau kemudahan overdraf.

Faktor-faktor Malaysia Menjadi Tumpuan Perindustrian

Pantai Barat Semenanjung Malaysia padat dengan kawasan-kawasan perindustrian seperti Prai, Tasik, Petaling Jaya – Shah Alam dan Tampoi. Terdapat pelbagai jenis industri yang dijalankan di kawasan-kawasan perindustrian seperti besi dan keluli di Prai, membuat simen di Tasik dan membuat kereta di Batu Tiga, Shah Alam.

Terdapat beberapa faktor yang menggalakkan tumpuan kawasan-kawasan perindustrian di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Pantai Barat Semenanjung Malaysia mempunyai tanah pamah yang rata dan luas untuk mendirikan kawasan perindustrian seperti di Batu Tiga, Shah Alam. Terdapat bekalan bahan mentah tempatan untuk industri-industri seperti getah asli untuk membuat tayar, minyak sawit untuk membuat makanan seperti marjerin dan bijih timah dari Lembah Kinta untuk industri piuter.

Pantai Barat Semenanjung Malaysia mendapat bekalan elektrik yang mencukupi dari stesen-stesen kuasa di Prai, Tanah Tinggi Cameron dan Pelabuhan



Bekalan elektrik yang mencukupi dapat melancarkan operasi di kawasan perindustrian



Pelabuhan Pulau Pinang dan Klang mengendalikan urusan import dan eksport.

Klang. Pantai barat mempunyai penduduk yang ramai yang dapat membekalkan tenaga buruh yang banyak kepada sektor perindustrian. Terdapat bandar-bandar besar dengan penduduk yang padat seperti Kuala Lumpur, George Town dan Ipoh yang menyediakan pasaran tempatan dengan permintaan yang tinggi.

Pusat latihan seperti MARA dan pusat pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia banyak melatih pekerja separuh mahir dan mahir. Terdapat kemudahan pengangkutan jalan raya dan landasan kereta api untuk mengangkut bahan mentah ke kilang dan barang siap ke bandar dan ke pelabuhan.

Terdapat pelabuhan-pelabuhan seperti Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang untuk mengendalikan urusan import dan eksport. Di pantai barat terdapat kemudahan kewangan seperti bank, insurans dan institusi kewangan di bandar-bandar besar seperti George Town, Ipoh, Kuala Lumpur dan Johor Baru.

Syarikat-syarikat besar yang bertaraf antarabangsa mempunyai modal yang banyak untuk menubuhkan dan mengembangkan industri. Di pantai barat terdapat pusat pentadbiran negeri yang memudahkan pengurusan industri dari segi penyelidikan, lesen dan permit. Terdapat faedah pengelompokan industri di pantai barat yang mempunyai pelbagai jenis industri.

Terdapat insentif daripada kerajaan seperti penubuhan Zon Perdagangan Bebas. Di kawasan ini, pengusaha-pengusaha kilang diberi pengecualian cukai dan insentif pelaburan. Dari segi sejarah, pantai barat lebih awal dimajukan oleh penjajah Inggeris.

Industri Pelancongan

Pada umumnya industri pelancongan merupakan jenis industri tertier yang penting. Faktor utama yang menggalakkan industri pelancongan ialah keindahan alam sekitar Malaysia. Malaysia mempunyai tempat-tempat menarik seperti :

- i. Pantai berpasir di Batu Feringghi dan Desaru.
- ii. Pulau yang berair jernih, mempunyai karangan laut dan kemudahan skuba di Pulau Langkawi, Pulau Tioman dan Pulau Redang.
- iii. Tasik indah yang dimajukan untuk pelancongan seperti Tasik Kenyir.
- iv. Gua batu kapur seperti Batu Caves, Gua Niah, dan Gua Perak yang mempunyai pandangan yang indah seperti stalagmit dan stalaktit.
- v. Hutan lipur dan air terjun seperti di Taman Negara, Pahang.

Malaysia mengalami iklim Khatulistiwa. Kedudukan negara yang berhampiran dengan garisan khatulistiwa membolehkan negara kita menerima cahaya matahari sepanjang tahun (27°C). Oleh sebab itu, pelancong dapat melawat negara sepanjang tahun.



Keindahan pantai-pantai di Malaysia menarik pelancong dari dalam dan luar negara.



Gua batu kapur seperti di Batu Caves menarik minat pelancong dari luar negara.


Banyak tempat pelancongan di kawasan tanah tinggi yang bersuhu nyaman iaitu 21°C seperti di Tanah Tinggi Cameron, Bukit Fraser dan Tanah Tinggi Genting. Kedudukan geografi Malaysia di tengah-tengah Asia Tenggara menjadi tumpuan laluan perkapalan dan udara antarabangsa. Faktor ini

memudahkan pelancong asing datang ke Malaysia. Penduduk yang berbilang kaum dan kaya dengan pelbagai jenis kebudayaan dan perayaan seperti Tahun Baru Cina, Thaipusam dan Hari Raya menjadi antara daya tarikan pelancong.

Masyarakat Malaysia yang peramah dan berbudi bahasa juga menarik kedatangan pelancong asing. Selain itu, terdapat bandar bersejarah seperti Melaka yang menjadi tumpuan pelancong tempatan dan pelancong asing. Bandar seperti ini kaya dengan ciri-ciri sejarah antaranya A Famosa, bangunan Stadhuys dan Perigi Hang Tuah.

Usaha menarik kedatangan pelancong dilaksanakan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (TDC). Pelbagai usaha dilakukan seperti mengadakan iklan dan publisiti di dalam dan di luar negara untuk menggalakkan pelancong asing melawat Malaysia. TDC membuka cawangan-cawangan di bandar-bandar utama di Malaysia untuk memberikan maklumat kepada pelancong. TDC juga membuka pejabat di London, Paris, New York dan Tokyo untuk memberikan maklumat kepada pelancong asing mengenai tempat-tempat yang menarik di Malaysia.

TDC juga menyebarkan risalah melalui agensi-agensy pelancongan dan pihak lapangan terbang utama. TDC membuat promosi melawat Malaysia melalui CHOGM, PATA, Pesta Malaysia, Tahun Melawat Malaysia 1990, Tahun Melawat ASEAN 1992 dan Pesta Ros di Pasadena, California. Di samping itu, pelbagai acara tahunan diadakan seperti acara kebudayaan dan sukan semasa Pesta Malaysia untuk menarik pelancong.



Pelbagai acara diadakan untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Malaysia.

Kebanyakan pelawat asing datang dari negara-negara ASEAN, Jepun, Australia, Hong Kong, Taiwan, Eropah Barat dan Amerika Syarikat. Penduduk Malaysia juga digalakkan melancong dalam negeri melalui program 'Cuti-cuti Malaysia'. Kerajaan sentiasa memberikan bantuan dan dorongan seperti :

- i. Insentif cukai (dibawah Akta Insentif Pelaburan 1968) diberikan kepada sektor swasta yang mendirikan hotel, rumah rehat dan tempat penginapan yang berkos sederhana.
- ii. Kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di Pulau Langkawi dan Pulau Labuan.
- iii. Peruntukan wang untuk memajukan sektor pelancongan di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan Keenam.

Kerajaan banyak memberikan perhatian kepada sektor pelancongan kerana sektor ini berpotensi menjadi sumber pertukaran wang asing dan sumber peluang pekerjaan. Sektor pelancongan juga dimajukan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Usaha yang berterusan ini menampakkan hasilnya apabila bilangan pelancong semakin bertambah daripada 1.5 juta orang dalam tahun 1975 kepada 6.0 juta orang dalam tahun 1990. Manakala 75% daripada pelancong asing berasal dari negara-negara ASEAN, terutamanya Singapura dan Thailand kerana negara-negara ini terletak paling dekat dengan Malaysia.



Penerbangan Air Asia menawarkan harga yang murah kepada pelancong-pelancong di dalam negara.

Pelancong	Penginapan	Makan/Berhibur	Lain-lain
Pelancong Asing	45%	40%	15%
Pelancong Tempatan	19%	61%	20%

Jadual : Pola perbelanjaan pelancong asing dan pelancong tempatan.

Kebanyakan pelancong tempatan tinggal di rumah saudara atau di rumah kawan. Ini menyebabkan perbelanjaan pelancong tempatan rendah, iaitu kurang daripada RM100 untuk setiap perbelanjaan bagi tahun 1988.

Sebaliknya pelancong tempatan adalah pelancong bermusim. Mereka melancong semasa cuti sekolah atau semasa musim perayaan. Kuala Lumpur dan Pulau Pinang menjadi destinasi utama pelancong asing dan pelancong tempatan. Kira-kira 69% daripada jumlah pelancong asing masuk ke Malaysia melalui bandar-bandar ini.

Pertukaran wang asing bersih tidak begitu tinggi kerana banyak penduduk Malaysia yang melancong ke negara-negara lain menyebabkan aliran keluar wang yang tinggi. Dalam tahun 1985, aliran keluar wang berjumlah RM2800 juta berbanding dengan RM4000 juta dalam tahun 1990.

Kesan Positif Industri Pelancongan

Bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan Kuching diindahkannya dengan projek lanskap seperti menanam pokok dan bunga di sepanjang jalan raya. Kawasan yang terbiar dijadikan padang golf yang menarik dan mempunyai nilai ekonomi. Kawasan terbiar seperti bekas lombong bijih timah dan kawasan paya dimajukan untuk pelancongan seperti Tasik Titiwangsa di Kuala Lumpur dan Tasik Taiping di Taiping.

Sesetengah taman negara, hutan lipur, paya dan taman bunga diwartakan untuk memelihara flora dan fauna untuk menggalakkan sektor pelancongan seperti di Taman Negara. Terdapat kawasan hutan seperti Taman Negara dan Taman Templer yang dijadikan hutan simpanan. Terdapat banyak hutan lipur yang dimajukan dengan menyediakan kemudahan untuk berehat, bersukan dan bersiar-siar. Jalan masuk,

tempat letak kereta dan tempat berkelah disediakan untuk kemudahan orang ramai.

Kesan-kesan Negatif

Penebangan hutan di kawasan bukit untuk tujuan pelancongan menyebabkan berlakunya hakisan tanah, banjir dan gelongsoran. Penebangan hutan juga memusnahkan habitat flora dan fauna, kawasan tadahan dan mengganggu ekosistem. Pembangunan Tanah Tinggi Genting telah menyebabkan pencemaran di Air Terjun Chamang yang terletak berhampiran dengannya.

Pembangunan dan penebangan hutan di Tanah Tinggi Cameron telah menyebabkan suhu meningkat sebanyak 0.5°C dalam masa 15 tahun iaitu sejak tahun 1976. Laut tercemar dan hidupan laut terganggu kerana sisa makanan dan sampah dari hotel disalurkan ke dalam laut. Pembinaan hotel di pinggir laut telah mengurangkan ruang lapangan dan mengancam keindahan pinggir laut seperti di Port Dickson dan di Batu Feringgi.

Pembangunan pesat di Pulau Langkawi telah menyebabkan pencemaran berlaku di beberapa kawasan perikanan dan sawah padi akibat pemendapan lumpur. Penebangan hutan untuk membina padang golf juga menyebabkan kehilangan flora dan fauna. Gangguan manusia di pantai



Beristirehat bersama keluarga boleh menenangkan fikiran dan menghilangkan rasa penat bekerja.



Hotel-hotel bertaraf lima bintang turut menyediakan pekej istimewa untuk pelancong.

Rantau Abang di Terengganu telah mengurangkan bilangan penyus belimbing yang bertelur di situ. Pembinaan padang golf menyebabkan hakisan tanah dan pencemaran air.

Pencemaran air berlaku disebabkan baja kimia dan racun perosak banyak digunakan untuk menyegarkan padang golf. Kira-kira 33.5% daripada jumlah racun perosak terdapat di udara, 13.5% pada tumbuh-tumbuhan dan 53% menyerap di dalam tanah.

SUDUT UJI MINDA

1. Kenapa pelabuan penting dalam pengeluaran industri?
2. Di manakah pelabur asing digalakkan mendirikan kilang mereka?
3. Kenapa kebanyakan industri tertier berkembang berhampiran bandar?
4. Apakah strategi pelan perindustrian yang bakal dilancarkan oleh kerajaan?
5. Negara-negara manakah yang membuka cawangannya di Malaysia?
6. Pada tahun berapakah industri kereta nasional dilancarkan?
7. Apakah faedah yang didapati daripada pengelompokan industri di Shah Alam?
8. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengembangkan industri kereta nasional?
9. Apakah yang dimaksudkan dengan industri tertier?
10. Nyatakan antara kemudahan yang disediakan oleh institusi kewangan.
11. Nyatakan faktor utama Malaysia menjadi tumpuan perindustrian.
12. Apakah yang disediakan oleh kerajaan melalui penubuhan Zon Perdagangan Bebas?
13. Kenapa Malaysia dapat menarik ramai pelancongan datang ke sini?
14. Apakah peranan TDC dalam industri pelancongan?
15. Apakah bantuan yang disediakan oleh kerajaan untuk memberi dorongan kepada industri pelancongan?


ERA TEKNOLOGI MAKLUMAT



Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berusaha meneruskan kegemilangan di arena antarabangsa.

Malaysia meneruskan kegemilangannya di arena antarabangsa apabila berusaha membentuk sebuah pusat pentadbiran kerajaan elektronik. Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengajak penduduk negara ini berfikiran global dan tidak setakat menjadi 'katak di bawah tempurung'.

Projek MSC melibatkan kawasan seluas 750 kilometer persegi yang meliputi Kuala Lumpur City Center (KLCC), Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) di Sepang. Ia menampilkan pelbagai konsep dan ciri berlandaskan sosiobudaya dan ekonomi negara dengan tidak mengenenpikan kepentingan dan hak masyarakat tempatan.




MSC atau Koridor Raya Multimedia merupakan satu lagi pencapaian Malaysia dalam menuju era teknologi maklumat.

Antara kemudahan fizikal dan maklumat bertaraf antarabangsa yang dimiliki MSC ialah :

- i. Jalan masuk yang cepat menuju lapangan terbang moden dan mempunyai hubungan langsung dengan semua negara di seluruh dunia.
- ii. Hubungan telekomunikasi mengabit gentian optik global.
- iii. Pusat perkhidmatan sehentian untuk memudahkan pelaburan dan hampir dengan semua peringkat pentadbiran kerajaan di Putrajaya.
- iv. Menawarkan anjakan yang kukuh untuk pertumbuhan pembangunan dengan pesat dalam dekad akan datang khususnya untuk rantau Asia Pasifik.
- v. Menyediakan kelebihan ekonomi tradisional Malaysia seperti kos pengeluaran yang rendah, limpahan sumber-sumber utama dan pelbagai insentif berdaya saing.

Keputusan mewujudkan MSC adalah selaras dengan matlamat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (MTM) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri dan beliau beberapa kali mengulangi ketegasannya tidak mahu ada pihak bersikap sambil lewa dalam menjayakan industri multimedia.

Perkembangan teknologi maklumat akan menjadi pemangkin kepada persiapan MSC di mana Putrajaya menjadi pusat pentadbiran kerajaan persekutuan kedua yang bakal menjadi tunggak utama kepada kecemerlangan Malaysia pada peringkat antarabangsa. Pada masa akan datang Malaysia bercita-cita menjadi sebuah pusat kecemerlangan ilmu serantau. Perjalanan MSC ke arah pelaksanaan semakin



Universiti Multimedia yang terletak di Melaka.

jelas apabila Rancangan Malaysia Ketujuh memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk menganjurkan penggunaan teknologi pendidikan jarak jauh.

Secara ringkasnya Koridor Raya Multimedia (MSC) merangkumi kawasan seluas 15 x 50 kilometer dilengkapi dengan infrastruktur bertaraf dunia dan dilengkapi dengan rangkaian telekomunikasi berkelajuan tinggi iaitu 2.5 gigabait per saat sehingga mencapai 10 gigabait per saat. Kemudahan ini bertujuan untuk penghasilan dan pengeluaran pelbagai produk multimedia. Dalam masa yang sama tujuh aplikasi perdana telah dikenal pasti. Usaha ini dilakukan kerana kerajaan Malaysia amat sedar tentang kepentingan teknologi maklumat dalam konteks pembangunan negara dan negeri.

Antara kepentingan teknologi maklumat ialah :

1. Teknologi maklumat bertindak sebagai agen pemodenan pentadbiran kerajaan. Usaha yang dilakukan merupakan usaha berterusan dan akan terus dipertingkatkan untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Malaysia bakal menjadi negeri terulung yang dikurniakan pelbagai kemudahan mampu menjadi paca-setter dan trendsetter bagi kegunaan teknologi maklumat. Dengan kata lain, Malaysia mampu menjadi model pentadbiran moden bertaraf dunia.

2. Dari sudut ekonomi, teknologi maklumat ternyata menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi. Unjuran yang dibuat oleh pakar ekonomi dalam industri komputer menunjukkan bahawa permintaan global untuk teknologi maklumat telah meningkat pada kadar yang tinggi. Dalam masa yang sama teknologi maklumat membuka lebih banyak peluang industri yang perlu diteroka oleh masyarakat dan pengusaha baru. Bidang yang boleh diceburi ialah bidang reka bentuk dan pembuatan pelbagai komponen komputer daripada jenis PC sehinggalah kepada kerangka utama, reka bentuk, dan pembuatan perisian, reka bentuk dan pembuatan alatan audio visual dan alat telekomunikasi serta perkhidmatan komputer dan penjualan maklumat melalui internet dan CD-ROM.
3. Teknologi maklumat bertindak sebagai agen pembentuk masyarakat yang kaya maklumat. Masyarakat perlu kaya maklumat untuk berdaya saing secara global. Teknologi maklumat amat penting dalam kehidupan kita, tanpa disedari ia mempengaruhi cara dan perjalanan hidup kita. Teknologi maklumat juga digunakan dalam kebanyakan urusan perbankan, insurans dan pelbagai lagi perkhidmatan. Contohnya dalam urusan penempahan bilik hotel dan urusan tiket kapal terbang. Penggunaannya juga dapat dilihat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).



Beberapa komponen komputer.

4. Teknologi maklumat juga dapat membantu menjadi agen pemudah urusan perniagaan dan perdagangan. Urusan perniagaan dan perdagangan akan memerlukan infrastruktur teknologi maklumat dan telekomunikasi yang lebih canggih apabila kita melangkah ke era perdagangan tanpa sempadan. Infrastruktur ini bukan sahaja untuk berurus niaga dalam negeri tetapi untuk negeri-negeri lain dan dunia amnya. Manakala infrastruktur yang ideal ialah seperti yang dirancang bagi MSC.

5. Teknologi maklumat akan bertindak sebagai agen peningkatan imej negara. Kedudukan Selangor yang merupakan pintu masuk dan keluar utama negara adalah penting untuk meningkatkan imej negara. Tanggapan pertama amat penting terutama kepada pelancong dan ahli perniagaan kerana ia bakal meninggalkan kesan positif atau sebaliknya. Pelbagai kemudahan untuk berkomunikasi, mendapat maklumat dan menjalankan urus niaga di tempat-tempat pelancongan khususnya, dapat membantu mempertingkatkan industri pelancongan yang dimanfaatkan daripada teknologi maklumat. Ini kerana industri perdagangan bergantung besar kepada kemudahan telekomunikasi dan penyaluran serta penerimaan maklumat dalam pelbagai media.

Oleh yang demikian kini telah tiba masanya semua lapisan masyarakat memainkan peranan dengan menjadikan teknologi maklumat sebagai sebahagian daripada cara



Pelbagai kemudahan yang dapat dibekalkan melalui penggunaan komputer.

hidup. Usaha seperti Kempen Kesedaran Teknologi Maklumat atau Seminar Wanita dan IT perlu diteruskan agar ia menjadi pemangkin utama menggalakkan masyarakat kepada pentingnya IT dalam kehidupan.

Walau bagaimanapun dengan jumlah penduduk seramai 23 juta, Malaysia masih menghadapi masalah kekurangan tenaga mahir khususnya dalam teknologi tinggi termasuklah teknologi maklumat. Oleh yang demikian, setiap lapisan masyarakat seharusnya berusaha untuk mengisi kekosongan dengan menceburkan diri dalam bidang IT. Pada masa kini, nilai pasaran personel teknologi maklumat adalah antara yang tertinggi. Profesion teknologi maklumat tidak memerlukan kekuatan fizikal, tetapi lebih memerlukan sikap, minat, kreativiti, kesabaran dan berfikir secara logik.

Contohnya, di beberapa negara barat infrastruktur telekomunikasi meluas, terdapat ramai suri rumah yang membuat kerja sambilan dalam bidang teknologi maklumat tanpa meninggalkan rumah. Hasil kerja akan disalurkan kepada majikan atau pelanggan melalui komputer yang dihubungkan melalui infrastruktur telekomunikasi. Dengan cara ini mereka dapat membantu menampung perbelanjaan keluarga. Perkara yang sama dapat dilakukan di negara kita.



Pelajar sekolah telah dapat memanfaatkan penggunaan komputer dalam pembelajaran.


Oleh itu, institusi keluarga berperanan membentuk masyarakat. Wanita berperanan penting dalam institusi ini. Seorang ibu menjadi model kepada anak-anak. Sekiranya si ibu itu merupakan seorang yang celik komputer atau mesra dengan teknologi maklumat, anak-anak akan menurut langkahnya.

Matlamat Wawasan 2020 memerlukan penduduk yang moden mindanya dan mempunyai sikap yang terbuka. Dalam pada itu, masyarakat luar bandar juga perlu dibangunkan supaya mereka dapat keluar daripada ruang pemikiran yang cetek dan sempit. Bersesuaian dengan matlamat tersebut, Program Gerakan Desa Wawasan mampu membentuk nilai baru yang lebih positif di samping mengekalkan nilai-nilai tradisi yang positif. Pelaksanaannya sudah tentu memerlukan masa kerana

proses mengubah masyarakat dari sistem nilai-nilai lama, merupakan proses yang berterusan.

Contohnya, di Selangor semenjak tahun 1966 terdapat 107 kampung yang telah dipilih menyertai program yang seumpama. Masyarakat luar bandar perlu mengubah pergantungan asas ekonominya dan tidak hanya kepada aktiviti pertanian tradisional yang rendah nilainya, baik dalam sektor pertanian mahupun dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Pembangunan industri luar bandar memerlukan komitmen penuh daripada semua pihak supaya industri tersebut boleh ditempatkan di luar bandar dan dengan itu dapat memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat luar bandar. Di samping program pembangunan keluarga perlunya satu dimensi penting dalam strategi pembangunan luar bandar. Institusi keluarga akan menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam masyarakat luar bandar yang berubah daripada masyarakat luar bandar yang tradisional (mundur dan terkebelakang) kepada masyarakat luar bandar moden.



Mempelajari teknologi maklumat memerlukan minat, kreativiti serta kesabaran.

Maka pewujudan satu strategi yang menghindarkan perpecahan unit keluarga, menghindarkan penghijrahan anak-anak muda ke bandar-bandar besar perlu dilakukan, di samping sistem sokongan tradisional untuk menjaga warga tua juga perlu dirancang. Penghijrahan keluar golongan muda akan menjejaskan kemampuan pembangunan luar bandar dan sistem sokongan tradisional warga tua. Umumnya tonggak kepada kejayaan Gerakan Desa Wawasan adalah berdasarkan kepada tujuh inisiatif utama iaitu :

- i. Pembangunan manusia yang cemerlang
- ii. Pengukuhan institusi keluarga yang sejahtera
- iii. Pembangunan masyarakat yang berdaya tahan
- iv. Penyediaan infrastruktur yang berkualiti
- v. Pembangunan ekonomi yang mapan
- vi. Sistem komunikasi yang berkesan
- vii. Pewujudan rangka kerja efisien yang responsif kepada perubahan

Kesungguhan seperti ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai iltizam tersendiri yang tidak lari dari Wawasan 2020. Dari sudut sejarah jelas menunjukkan bahawa dunia telah mengalami tiga gelombang perubahan.

- i. Gelombang pertama mempunyai kaitan dengan revolusi pertanian. Pada masa itu masyarakat menjalankan aktiviti bercucuk tanam untuk mendapatkan makanan. Tanah menjadi penting dalam kehidupan seharian mereka.
- ii. Gelombang kedua, berkaitan pula dengan revolusi industri. Kita lihat di sana sini terbina kilang-kilang dan tumpuan pekerjaan di sektor perkilangan menjadi fokus utama. Di negara kita pun hari ini kilang didirikan bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Bukan saja di Sepang tetapi di Kuala Langat sendiri banyak kilang didirikan. Ini merupakan satu perubahan dalam kehidupan seharian yang serba berkembang.
- iii. Gelombang ketiga pula ialah berlakunya revolusi maklumat dan informasi. Dunia tanpa sempadan hari ini telah meletakkan kita kepada satu situasi yang lebih mencabar apabila kita boleh memperoleh maklumat dengan mudah melalui IT.

Oleh itu, perhatian serius perlu diberi bagi meningkatkan mutu pendidikan akademik. Pendidikan tinggi, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi amatlah diperlukan dalam mengisi wawasan kerajaan untuk menjadi negara maju.

Di samping itu, kewujudan projek-projek seperti KLIA, Putrajaya, Cyberjaya dan Koridor Raya Multimedia, maka amatlah wajar bentuk pendidikan akademik para remaja pada hari ini tidak lagi tertumpu kepada sesuatu subjek sahaja. Sebaliknya mereka harus mempelbagaikan subjek yang diambil supaya dapat mengisi keperluan di bahagian tertentu, terutamanya di bidang sains dan teknologi serta teknologi maklumat.

KESIMPULAN

Malaysia merupakan sebuah negara membangun yang melalui beberapa zaman seperti pertanian, perindustrian dan teknologi maklumat. Walaupun Malaysia sebuah negara membangun tetapi hakikatnya kini nama Malaysia berada setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Hari ini Malaysia mampu menyatakan pendirian pada peringkat antarabangsa baik dari sudut politik, hak asasi manusia, sosial dan keadilan dunia. Malaysia tidak lagi dipandang sebagai sebuah negara kerdil tetapi negara yang mampu bersuara lantang. Namun begitu, generasi hari ini perlu menyedari akan peranan yang perlu dimainkan sebagai penerus generasi akan datang.